

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

SEU330 - Perdagangan Antarabangsa

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **dua puluh enam (26)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN KEPADA CALON

1. Soalan-soalan dibahagi kepada Bahagian A dan B. Jawab **SEMUA** soalan dalam bahagian A dan jawab **TIGA** soalan dalam bahagian B
2. Peruntukan markah Bahagian A ialah 50 peratus dan Bahagian B ialah 50 peratus.
3. Jawab soalan Bahagian A di atas kertas OMR yang dibekalkan. Kertas OMR akan dipungut 1/2 jam sebelum tamat peperiksaan.
4. Jawab soalan Bahagian B di ruang kosong yang disediakan.
5. Alat pengira elektronik tak berprogram boleh digunakan.

ARAHAN KEPADA KETUA PENGAWAS

1. Sila pungut **KESELURUHAN** kertas soalan ini (tanpa diceraikan mana-mana muka surat)

...2/-

Bahagian A [50 markah]

Jawab SEMUA soalan dalam bahagian ini di atas kertas jawapan OMR. Pilih jawapan yang paling tepat sama ada A, B, C, D atau E bagi setiap soalan, kemudian hitamkan pada ruangan (bubble) yang berkenaan di atas kertas jawapan OMR.

Soalan 1

1. Menurut pemikiran merkantilisme, dalam perdagangan antarabangsa (kes dua negara) ...
 - (A) kedua-dua negara boleh memperolehi keuntungan daripada perdagangan tetapi agihan keuntungan ini bergantung kepada syarat niaga.
 - (B) kedua-dua negara boleh memperolehi keuntungan daripada perdagangan tetapi agihan keuntungan ini tidak bergantung kepada syarat niaga.
 - (C) tiada negara yang akan mendapat keuntungan.
 - (D) keuntungan daripada perdagangan yang diperolehi oleh satu negara adalah kerugian daripada perdagangan yang dihadapi oleh negara lain.
 - (E) tiada jawapan di atas

2. Dalam teori kos bandingan, keluk pengeluaran yang mempunyai kos lepas yang semakin meningkat adalah lebih realistik kerana:
 - i. tahap teknologi berbeza antara negara.
 - ii. faktor pengeluaran bukannya homogenous.
 - iii. faktor pengeluaran tidak digunakan pada kadar yang sama untuk pengeluaran komoditi.
 - iv. negara yang ingin meningkatkan pengeluaran sesuatu komoditi terpaksa menggunakan faktor input yang semakin kurang sesuai untuk pengeluaran komoditi tersebut.
 - v. negara yang mempunyai faedah bandingan dalam pengeluaran sesuatu komoditi tidak semestinya mengkhusus sepenuhnya dalam pengeluaran komoditi tersebut.
 - (A) i, ii, iii dan iv
 - (B) i, ii, iii dan v
 - (C) ii, iii, iv dan v
 - (D) i, ii, iii, iv dan v
 - (E) tiada jawapan di atas

3. Dalam contoh dua negara (A dan B) dan dua komoditi (X dan M), jika harga relatif komoditi X negara A dan B masing-masing adalah $1/2$ dan 3 , kedua-dua negara akan berdagang jika kadar pertukaran komoditi terletak antara:
 - (A) $1/2X < 1M < 3X$
 - (B) $1/3X < 1M < 2X$
 - (C) $1/3X < 1M < 3X$
 - (D) $2X < 1M < 6X$
 - (E) tiada jawapan di atas

...3/-

Jadual 1 ialah untuk No. 4-7.

Jadual 1

	buruh / output	
	Kereta	Gandum
U.S.	8	4
U.K.	10	8

4. U.K. mempunyai faedah mutlak dalam pengeluaran kedua-dua komoditi dan mempunyai faedah bandingan dalam pengeluaran gandum.

(A) Betul
(B) Salah

5. U.S. mempunyai faedah mutlak dalam pengeluaran kedua-dua komoditi dan mempunyai faedah bandingan dalam pengeluaran kereta.

(A) Betul
(B) Salah

6. Pada kadar pertukaran 1 kereta : 1.25 gandum, U.K. akan mendapat semua keuntungan daripada perdagangan.

(A) Betul
(B) Salah

7. Pada kadar pertukaran 1 gandum : 1.25 kereta, U.K. tidak akan berdagang dengan U.S.

(A) Betul
(B) Salah

8. Mengikut ramalan teori Heckscher-Ohlin, jika perdagangan berlaku antara negara A yang kaya buruh dengan negara B ...


(A) pulangan daripada modal (r) akan meningkat relatif kepada kadar upah (w) di negara A.
(B) kadar upah (w) akan meningkat relatif kepada pulangan daripada modal (r) di negara B.
(C) kadar upah (w) akan meningkat relatif kepada pulangan dengan modal (r) di negara A.
(D) kadar upah (w) akan disamakan di kedua-dua negara.
(E) tiada jawapan di atas

...4/-

9. Telitikan rajah A. Pengeluaran besi adalah intensif modal manakala pengeluaran arang batu adalah intensif buruh. Andaikan secara serentak negara A telah menggunakan teknik pengeluaran yang menjimatkan penggunaan modal manakala di negara B pemogokan oleh pekerja lombong telah menyebabkan banyak lombong arang batu ditutup. Syarat niaga P^* akan beranjak ke _____ dan syarat niaga negara _____ meningkat.

- (A) kiri, A
- (B) kiri, B
- (C) kanan, A
- (D) kanan, B
- (E) tiada jawapan di atas

Rajah A




10. Manakah di antara pernyataan berikut mengenai kajian Leontief (1968) terhadap Amerika Syarikat adalah **benar**?
- (A) Eksport Amerika Syarikat adalah lebih intensif modal berbanding dengan import.
 - (B) Eksport Amerika Syarikat adalah lebih intensif modal berbanding dengan barang penggantian import.
 - (C) Import Amerika Syarikat adalah lebih intensif modal berbanding dengan eksport.
 - (D) Barang penggantian import Amerika Syarikat adalah lebih intensif modal berbanding dengan eksport.
 - (E) Tiada jawapan di atas
11. Model jurang teknologi adalah lanjutan dari model Heckscher Ohlin (H-O) kerana ...
- (A) model H-O tidak mengambil kira teknologi dalam pengeluaran.
 - (B) model H-O menganggap teknologi dalam pengeluaran adalah statik.
 - (C) model H-O menganggap teknologi dalam pengeluaran adalah dinamik.
 - (D) A dan B
 - (E) tiada jawapan di atas

12. Manakah kenyataan yang berikut berkenaan pelonggaran andaian model H-O adalah **benar**?
- (A) Andaian (2 X 2 X 2) boleh dilonggarkan, tetapi bilangan komoditi mesti kurang dari bilangan faktor pengeluaran.
 - (B) Teknik pengeluaran ataupun teknologi boleh berbeza antara negara.
 - (C) Kos pengangkutan bila digunakan dalam model H-O hanya mengurangkan jumlah perdagangan tetapi bukan kebajikan negara yang berdagang.
 - (D) A dan C
 - (E) tiada jawapan di atas
13. Syarikat multinasional Hewlett Packard di Pulau Pinang mula mengeksport keluarannya ke negara-negara jiran seperti Indonesia dan Thailand. Dalam model kitaran pengeluaran, keadaan ini hanya berlaku bila perusahaan tersebut berada pada tahap:
- (A) 3
 - (B) 2
 - (C) 5
 - (D) 4
 - (E) 1
14. Rajah B menunjukkan perubahan keluk transformasi selepas pertumbuhan ekonomi. Komoditi X adalah intensif buruh (L) dan komoditi (M) adalah intensif modal (K). Fungsi pengeluaran adalah jenis skel pulangan malar. Manakah diantara pernyataan berikut adalah **benar** mengenai rajah ini?

Rajah B


- i. Kadar pertumbuhan K dan L mestilah sama.
- ii. Daya produktiviti K dan L meningkat pada kadar yang sama dalam pengeluaran kedua-dua komoditi.
- iii. (K/L) akan meningkat.
- iv. (P_X/P_M) tidak berubah.
- v. (w/r) akan meningkat.



- (A) i, ii dan iii
- (B) i, ii dan iv
- (C) ii, iii dan v
- (D) i, ii, iii dan v
- (E) tiada jawapan di atas

15. Mengikut teorem Rybczynski, dalam kes (2 x 2 x 2) bila buruh (L) meningkat dua kali ganda pada harga relatif komoditi yang tetap ...
- (A) pengeluaran komoditi yang intensif buruh akan meningkat dua kali ganda.
 - (B) pengeluaran komoditi yang intensif modal (K) akan turun.
 - (C) pengeluaran kedua-dua komoditi akan meningkat.
 - (D) A dan B
 - (E) tiada jawapan di atas
16. Negara Labourasia adalah sebuah negara kecil dan kaya buruh. Bila jumlah buruh dalam negara ini meningkat dua kali ganda ...
- (A) kebajikan masyarakat Labourasia akan bertambah buruk
 - (B) syarat niaga negara ini akan bertambah buruk
 - (C) jumlah perdagangan akan jatuh
 - (D) A dan C
 - (E) tiada jawapan di atas
17. Kenyataan manakah yang **benar** jika sebuah negara kecil mengenakan tarif terhadap barang import?
- i. harga domestik untuk barang import meningkat
 - ii. penggunaan barang import akan turun
 - iii. jumlah perdagangan akan turun
 - iv. syarat niaga negara menjadi lebih buruk
 - v. permintaan faktor pengeluaran untuk penggantian import meningkat
- (A) i, ii dan iii
 - (B) i, iv dan v
 - (C) i, ii, iii dan iv
 - (D) i, iii, iv dan v
 - (E) tiada jawapan di atas
18. Bila tarif dikenakan oleh sebuah negara kecil, pengguna negara ini akan kehilangan kawasan lebihan pengguna yang ...
- (A) terletak ke kiri keluk penawaran domestik, antara harga komoditi sebelum tarif dikenakan dan harga komoditi selepas tarif dikenakan.
 - (B) terletak ke kiri keluk permintaan domestik, antara harga komoditi sebelum tarif dikenakan dan harga komoditi selepas tarif dikenakan.
 - (C) di bawah keluk penawaran domestik, antara kuantiti yang dikeluarkan dalam negara sebelum tarif dikenakan dan kuantiti yang dikeluarkan dalam negara selepas tarif dikenakan.
 - (D) A dan C
 - (E) tiada jawapan di atas.

Rajah C ialah untuk No. 19-22. $S(h)$ dan $D(h)$ ialah keluk penawaran dan permintaan simen untuk sebuah negara kecil. $S(w)$ ialah keluk penawaran dunia dalam keadaan perdagangan bebas dan $S'(w)$ ialah keluk penawaran dunia selepas tarif dikenakan.



19. Jenis tarif yang dikenakan ke atas import simen adalah tarif _____ sebanyak _____.

- (A) *ad valorem*, 40%
- (B) spesifik, \$5.00/kilo
- (C) *ad valorem*, 150%
- (D) spesifik, \$2.00/kilo
- (E) tiada jawapan di atas

20. Beban lebihan (*deadweight loss*) akibat daripada kesan penggunaan adalah ...

- (A) \$0.00
- (B) \$45.00
- (C) \$90.00
- (D) \$105.00
- (E) tiada jawapan di atas

21. Jika kerajaan memberi subsidi kepada industri simen domestik dan menghapuskan tarif terhadap simen, jumlah subsidi yang harus diberi oleh kerajaan supaya kuantiti pengeluaran adalah sama dengan kesan perlindungan tarif adalah ...
- (A) \$90.00
 - (B) \$105.00
 - (C) \$150.00
 - (D) \$250.00
 - (E) tiada jawapan di atas
22. Jika negara asing (pengeksporth simen) mengurangkan harga simen sebanyak 50% tetapi kadar tarif yang dikenakan oleh negara kecil masih sama, jumlah simen yang dikeluarkan oleh industri domestik adalah ...
- (A) 10 kilo
 - (B) 20 kilo
 - (C) 30 kilo
 - (D) 40 kilo
 - (E) 50 kilo
23. Mengikut teorem Stolper-Samuelson, _____ harga sesuatu komoditi akibat pengenaan tarif akan menyebabkan _____ pulangan bagi faktor yang tidak digunakan secara intensif dalam pengeluaran komoditi tersebut.
- (A) peningkatan, peningkatan
 - (B) peningkatan, penurunan
 - (C) penurunan, penurunan
 - (D) A dan C
 - (E) tiada jawapan di atas
24. Bila sebuah negara besar mengenakan tarif terhadap barang import ...
- (A) syarat niaga negara besar bertambah baik dan jumlah perdagangan meningkat.
 - (B) syarat niaga negara besar bertambah baik dan jumlah perdagangan turun.
 - (C) syarat niaga negara besar bertambah buruk dan jumlah perdagangan meningkat.
 - (D) syarat niaga negara besar bertambah buruk dan jumlah perdagangan turun.
 - (E) tiada jawapan di atas.
25. Negara Mononeasia mengenakan tarif nominal sebanyak 10% terhadap import komoditi Y yang telah siap. Pengeluaran komoditi Y hanya memerlukan dua jenis input yang diimport pada kadar tarif nominal 15% dan 18% masing-masing. Tarif berkesan atau kadar perlindungan sebenar (ERP) kepada industri pengganti import tersebut adalah ...
- (A) > 10%
 - (B) = 10 %
 - (C) < 10 %
 - (D) tiada jawapan di atas

Maklumat di dalam jadual 3 adalah untuk No. 26-28.


Jadual 3

Industri pengganti import domestik	Tarif terhadap import komoditi akhir (t)	Tarif terhadap input pertengahan yang diimport (t_i)	Koefisien yang mengukur penggunaan input pertengahan (a_i)
Perabot rumah	50 %	40 %	0.5
Kasut kulit	30 %	10 %	0.5
Tayar kereta	30 %	30 %	0.8

26. Industri manakah yang diberi perlindungan yang paling tinggi?
- (A) Perabot rumah
 (B) Kasut kulit
 (C) Tayar kereta
27. Jika kerajaan mahu industri pembuatan dimajukan dengan lebih banyak menggunakan sumber-sumber tempatan tanpa mengubah kadar tarif (t_i dan t), industri manakah yang tidak dipengaruhi oleh usaha ini?
- (A) Perabot rumah
 (B) Kasut kulit
 (C) Tayar kereta
 (D) Kasut kulit dan tayar kereta
 (E) Semua industri di atas.
28. Sekarang pengeluaran perabot rumah tidak memerlukan faktor yang diimport; kadar tarif berkesan terhadap import perabot rumah adalah ...
- (A) sama dengan kadar nominal komoditi tersebut.
 (B) lebih dari kadar nominal komoditi tersebut.
 (C) kurang dari kadar nominal komoditi tersebut.
 (D) tidak dapat dihitungkan.

Rajah D ialah untuk No. 29-32. Titik E adalah titik keseimbangan dan garis P^* adalah syarat niaga untuk kedua-dua negara semasa perdagangan bebas.

Rajah D




29. Kebajikan negara pengeksport komputer akan bertambah baik bila negara tersebut mengenakan tarif optimum terhadap import pakaian (andaikan rakan niaganya tidak bertindak balas).
- (A) betul
 - (B) salah
 - (C) tidak dapat ditentukan
30. Syarat niaga negara pengimport komputer akan menjadi lebih buruk berbanding dengan syarat niaga P^* bila negara tersebut mengenakan tarif import dan negara pengeksport komputer bertindak balas.
- (A) betul
 - (B) salah
 - (C) tidak dapat ditentukan
31. Negara pengimport pakaian mengenakan kuota import sebanyak ok . Tindakan ini akan menyebabkan syarat niaga P^* _____ (andaikan negara pengeksport pakaian tidak bertindak balas).
- (A) berputar ke kiri
 - (B) berputar ke kanan
 - (C) tidak berubah

32. Negara pengeksporth pakaian secara sukarela bersetuju menghadkan eksport (VER) kepada ok pakaian setahun ke negara rakan niaganya. Tindakan ini akan _____ syarat niaga pengeksporth pakaian dan _____ syarat niaga pengimport komputer.
- (A) meningkatkan, menurunkan
 - (B) meningkatkan, meningkatkan
 - (C) menurunkan, menurunkan
 - (D) menurunkan, meningkatkan
 - (E) tiada jawapan di atas
33. Kerajaan Malaysia telah mengenakan kuota import terhadap gula pasir kasar dari negara Filipina. Peningkatan permintaan domestik untuk gula tersebut akan menyebabkan ...
- (i) harga domestik untuk gula pasir kasar naik.
 - (ii) harga domestik untuk gula pasir kasar turun.
 - (iii) pengeluaran gula pasir kasar dalam negeri naik.
 - (iv) pengeluaran gula pasir kasar dalam negeri turun.
 - (v) pengeluar tempatan kehilangan kawasan lebih pengeluar.
- (A) i dan iii
 - (B) ii dan iv
 - (C) i, iii dan v
 - (D) ii, iv dan v
 - (E) tiada jawapan di atas
34. Industri muda (baru) yang mempunyai potensi faedah bandingan tidak mampu bersaing dengan industri luar negara kerana ...
- (A) industri negara asing telah matang dan dapat mengeluarkan pada kos yang lebih rendah.
 - (B) tidak dapat menikmati faedah daripada ekonomi berskel.
 - (C) kekurangan kemahiran.
 - (D) A dan C
 - (E) A, B dan C
35. Sekatan perdagangan yang berikut mempunyai kesan yang sama terhadap jumlah komoditi Y yang diimport oleh negara B (kecil). Sekatan manakah bila diamalkan akan mendatangkan kesan yang paling buruk terhadap kebajikan masyarakat negara B?
- (A) Negara B mengenakan tarif import terhadap komoditi Y.
 - (B) Rakan niaga negara B bersetuju menghadkan eksport (VER) komoditi Y ke negara B.
 - (C) Negara B mengenakan kuota import dan lesen mengimport tersebut dilelong oleh kerajaan.
 - (D) B dan C
 - (E) tiada jawapan di atas

36. Dalam kes negara kecil, *Lerner's symmetry* merujuk kepada ...
- (A) persamaan kesan kuota import dengan kesan tarif import terhadap arah perubahan harga relatif dalam negara.
 - (B) persamaan kesan cukai pengeluaran dengan kesan tarif import terhadap arah perubahan harga relatif dalam negara.
 - (C) persamaan kesan tarif import dengan kesan cukai eksport terhadap arah perubahan harga relatif dunia.
 - (D) persamaan kesan VER dan cukai eksport terhadap arah perubahan harga relatif dunia.
 - (E) tiada jawapan di atas
37. Negara A dan B adalah negara besar. Jika negara A mengenakan tarif optimum terhadap negara B, tarif optimum itu ...
- (A) mesti berada pada kawasan keluk tawaran yang anjal negara A.
 - (B) mesti berada pada kawasan keluk tawaran yang anjal negara B.
 - (C) mesti berada pada kawasan keluk tawaran yang tak anjal negara B.
 - (D) akan memaksimumkan jumlah eksport negara A.
 - (E) tiada jawapan di atas.
38. Negara A adalah sebuah negara kecil yang mengeksport komoditi X dan mengimport komoditi M. Harga relatif komoditi X yang dihadapi oleh negara A semasa perdagangan bebas adalah 2. Bila negara A mengenakan cukai eksport ...
- (A) harga relatif komoditi X dalam negara tidak berubah.
 - (B) harga relatif komoditi X dalam negara melebihi 2.
 - (C) harga relatif komoditi M dalam negara melebihi 2.
 - (D) harga relatif komoditi M dalam negara tidak berubah.
 - (E) tiada jawapan di atas
39. Bila negara besar mengenakan cukai eksport ...
- (A) harga domestik negara pengimport akan meningkat.
 - (B) harga domestik negara pengimport akan turun.
 - (C) kesemua cukai eksport akan dibiayai oleh negara pengeksport.
 - (D) akan meningkatkan kebajikan pengguna negara pengimport dan pengeksport.
 - (E) tiada jawapan di atas
40. Jika halangan perdagangan kesatuan kastam terhadap negara bukan anggota adalah rendah ...
- (A) jumlah perdagangan negara bukan anggota kesatuan kastam akan meningkat.
 - (B) jumlah perdagangan negara anggota kesatuan kastam akan turun.
 - (C) lencongan perdagangan akibat penubuhan kesatuan kastam dapat dikurangkan.
 - (D) lencongan perdagangan akibat penubuhan kesatuan kastam akan meningkat.
 - (E) tiada jawapan di atas.

Rajah E adalah untuk No. 41–42. Rajah ini menunjukkan keseimbangan separuh komoditi M yang diimport oleh negara A dari rakan niaganya. $S(w)$ dan $D(h)$ adalah keluk penawaran dan keluk permintaan komoditi M.

Rajah E




41. Jika rakan niaga negara A menghadkan eksport secara sukarela (VER) sebanyak OQ^* ke negara A, kebajikan masyarakat negara A akan ...
- (A) meningkat kerana memperolehi kawasan (abdc)
 - (B) meningkat kerana memperolehi kawasan (abdc + cdgf)
 - (C) merosok kerana kehilangan kawasan (abdc)
 - (D) merosok kerana kehilangan kawasan (cdgf + deg)
 - (E) tiada jawapan di atas
42. Jika dunia ini hanya mempunyai dua negara, negara A dan rakan niaganya, penggunaan VER akan _____ kebajikan dunia sebanyak kawasan _____.
- (A) meningkatkan, (cdgf + deg)
 - (B) meningkatkan, (abdc + bed)
 - (C) menurunkan, (abdc + bed)
 - (D) menurunkan, (bed + deg)
 - (E) tiada jawapan di atas

Maklumat berikut adalah untuk No. 43-45. Negara Mikronesia adalah sebuah negara kecil. Industri kertas domestik hanya dapat mengeluarkan sebahagian daripada kertas yang diminta oleh pengguna dalam negara dan bakinya diimport. Proses pengeluaran kertas telah mencemarkan sungai-sungai di negara ini dan kerajaan telah mengenakan cukai pengeluaran terhadap industri tempatan untuk membiayai kos pembersihan.

43. Tindakan kerajaan Mikronesia akan ...
- (A) meningkatkan import kertas
 - (B) mengurangkan import kertas
 - (C) meningkatkan permintaan kertas
 - (D) mengurangkan permintaan kertas
 - (E) A dan D
44. Cukai yang dipunggut oleh kerajaan akan dibiayai oleh ...
- (A) pengeluar tempatan
 - (B) pengguna tempatan
 - (C) pengimport tempatan
 - (D) pengeksporth asing
 - (E) A, B dan C
45. Harga domestik untuk kertas ...
- (A) akan naik
 - (B) akan turun
 - (C) tidak berubah
 - (D) tidak cukup maklumat untuk menentukan perubahan harga domestik kertas
46. Perdagangan antara negara B dan C tidak dikenakan tarif atau apa-apa bentuk halangan, tetapi eksport dari negara A ke negara B dan C dikenakan kuota import RM 50 juta setahun oleh negara B dan tarif import sebanyak 55% oleh negara C. Jenis integrasi ekonomi yang diamalkan oleh negara B dan C adalah ...
- (A) Kesatuan kastam
 - (B) Kawasan perdagangan bebas
 - (C) Pasaran bersama
 - (D) Penjanjian perdagangan keutamaan
 - (E) Kesatuan ekonomi

Rajah F ialah untuk No. 47-49. Keluk D(B) dan S(B) ialah keluk permintaan dan penawaran bagi komoditi Y dalam negara B. S(A) dan S(C) ialah keluk penawaran komoditi Y negara A dan C yang berbentuk anjal sempurna. S'(A) dan S'(C) ialah keluk penawaran negara A dan C selepas negara B mengenakan tarif (bukan diskriminatori) terhadap import komoditi Y.

Rajah F



47. Dengan tarif tersebut negara B akan mengimport sebanyak _____ unit Y dan kerajaan akan memungut hasil tarif sebanyak _____.
- (A) Y_2Y_5 , kawasan hcfk
 (B) Y_3Y_4 , kawasan iabj
 (C) Y_2Y_4 , kawasan gcfl
 (D) Y_1Y_6 , 0
 (E) tiada jawapan di atas
48. Jika negara B dan C menubuhkan kesatuan kastam, faedah bersih yang diterima oleh negara B adalah kawasan ...
- (A) $(gai + jbl) - (azb)$
 (B) $(cad + ebf) - (dabe)$
 (C) $(gai + jbl) - (iabj)$
 (D) $(cad + ebf) - (idej)$
 (E) tiada jawapan di atas

49. Jika negara B dan C menubuhkan kesatuan kastam, import negara B adalah ...
- (A) Y_2Y_5 , dimana sebahagian daripada import tersebut adalah lencongan perdagangan daripada negara bukan anggota.
 - (B) Y_2Y_5 , dimana semua import tersebut adalah lencongan perdagangan daripada negara bukan anggota.
 - (C) Y_3Y_4 , dimana sebahagian daripada import tersebut adalah lencongan perdagangan daripada negara bukan anggota.
 - (D) Y_3Y_4 , dimana semua import tersebut adalah lencongan perdagangan daripada negara bukan anggota.
 - (E) tiada jawapan di atas
50. Sekarang ketiga-tiga negara menubuhkan kesatuan kastam, negara B akan mengguna sebanyak _____ unit Y.
- (A) Y_1Y_6
 - (B) Y_2Y_5
 - (C) Y_3Y_4
 - (D) OY_6
 - (E) tiada jawapan di atas

Bahagian B [50 markah]

Bahagian B mengandungi lima (5) soalan. Jawab **TIGA** (3) soalan sahaja. Tulis jawapan anda diruang yang disediakan. Setiap soalan membawa markah yang sama.

Soalan 2

Keperluan modal (K) dan buruh (L) untuk pengeluaran satu unit pakaian dan satu unit radio adalah seperti berikut:

	Pakaian	Radio
Keperluan modal (K)	5	4
Keperluan buruh (L)	5	1


a. Komoditi manakah yang memerlukan lebih modal dalam setiap unit pengeluaran?

b. Berapakah nisbah (K/L) dalam pengeluaran kedua-dua komoditi di atas? Pengeluaran komoditi manakah yang lebih intensif modal?

Kaji rajah G di bawah. Titik a^* dan b^* adalah titik autarki negara A dan B. Keluk transformasi negara A adalah AA dan keluk transformasi negara B adalah BB. $P(A)$ dan $P(B)$ adalah harga relatif negara masing-masing.

Rajah G

c. Berasaskan keluk transformasi dalam rajah di sebelah, negara manakah yang mempunyai lebih kekayaan penganugerahan faktor modal? Terangkan.




...18/-

d. Negara manakah yang mempunyai harga relatif buruh (w/r) yang lebih tinggi ?
Terangkan.

e. Dengan maklumat di atas (soalan b,c dan d), lengkapkan rajah H di bawah. Tandakan titik-titik f_A , f_B , f^* , P_A , P_B , dan P_W . Gunakan tanda-tanda ' \uparrow ', ' \downarrow ', ' \rightarrow ' atau ' \leftarrow ' untuk menunjukkan arah gerakan harga relatif faktor dan harga relatif komoditi bila negara A dan B berdagang. Secara ringkas jelaskan perubahan harga relatif faktor dan harga relatif komoditi untuk negara A sahaja.


Rajah H



Soalan 3

Rajah I menunjukkan sebuah negara kecil yang mengeksport perabot dan mengimport susu tepung. Titik k_1 adalah titik pengeluaran, c_1 adalah titik penggunaan dan $P^*(w) = P(D)$ adalah harga relatif perabot semasa perdagangan bebas. Kerajaan negara ini berpendapat bahawa industri susu tepung mempunyai potensi faedah bandingan dan diberi perlindungan tarif.

Rajah I



- a. Tunjukkan dalam rajah I perubahan harga relatif [$P_t(D)$, $P_t'(D)$, ...], pola pengeluaran [k_2 , k_3 , ...], pola penggunaan [c_2 , c_3 , ...] dan keluk puas sama [I_2 , I_3 , ...] selepas perlindungan tarif diberikan. Jelaskan.

...20/-

- b. Tunjukkan dalam rajah I perubahan harga relatif, pola pengeluaran, pola penggunaan dan keluk puas sama selepas industri yang dilindungi matang. Jelaskan.



- c. Dalam jangka masa perlindungan sementara, wujud ekonomi dalaman dan luaran. Apakah yang dimaksud dengan ekonomi dalaman dan luaran? Jelaskan.

Soalan 4

a. Takrifkan konsep tarif ad valorem.

b. Takrifkan konsep tarif spesifik (tepat).

Rajah J dan K menunjukkan pasaran cakera padat untuk negara A dan B. $S(h)$ adalah keluk penawaran domestik dan $D(h)$ adalah keluk permintaan domestik. Dalam perdagangan bebas $S(h+w)$ adalah keluk penawaran pasar. Andaikan setiap negara mengenakan tarif spesifik sebanyak \$1/unit.



c. Lukiskan keluk penawaran pasar baru, $S'(h+w)$ untuk negara A dan B dalam rajah J dan K.


d. Antara dua negara ini, kebajikan masyarakat negara manakah mungkin meningkat akibat pengenalan tarif tersebut? Jelaskan dan tandakan kawasan-kawasan ini dalam rajah.

e. Antara dua negara ini, kebajikan masyarakat negara manakah mesti jatuh akibat pengenalan tarif tersebut? Jelaskan dan tandakan kawasan-kawasan ini dalam rajah.

Soalan 5

Pertimbangkan rajah L. $D(h)$ ialah keluk permintaan kayu gergaji dan $S(h)$ ialah keluk penawaran kayu gergaji dalam negara. Dalam perdagangan bebas, $D(w)$ ialah keluk permintaan kayu gergaji di pasaran dunia. Pada harga w , ab unit kayu gergaji dieksport.

Rajah L



- a. Dengan menggunakan rajah L di atas, terangkan kenapakah pengeluar kayu gergaji suka dengan pengenaan subsidi eksport tetapi pengeluar perabot domestik tidak suka dengan pengenaan subsidi eksport. Tandakan keluk harga berkesan.

...24/-

b. Dengan menggunakan rajah L di atas, terangkan kenapakah pengeluar kayu gergaji tidak suka dengan pengenaan cukai eksport tetapi pengeluar perabot domestik suka dengan pengenaan cukai eksport. Tandakan keluk harga berkesan dalam rajah.

Soalan 6

Tulis penjelasan ringkas tentang mana-mana **dua (2)** daripada pernyataan di bawah.

- i. tarif akan mendatangkan hasil kepada kerajaan manakala kuota mungkin mendatangkan hasil kepada kerajaan.
- ii. semakin tinggi kadar tarif, semakin besar pungutan hasil tarif oleh kerajaan.
- iii. pengenaan tarif oleh negara kecil akan memburukkan kebajikan masyarakatnya tetapi pengenaan tarif oleh negara besar meningkatkan kebajikan masyarakatnya.
- iv. perlindungan tarif adalah lebih sesuai untuk negara yang sedang membangun berbanding dengan negara yang telah maju jika kerajaan hendak memajukan industri pengantian import.
